

**TATACARA PRA-PENDAFTARAN KURSUS
SEMESTER PERTAMA SESI 2024/2025 (A241)**

**Tarikh: 1 Julai 2024 – 4 Julai 2024 (Kursus Teras)
8 Julai 2024 – 11 Julai 2024 (Kursus Elektif)**
Kaedah: Secara dalam Talian (Portal Pelajar)
<https://register.uum.edu.my>

1.0 MAKLUMAN KEPADA PELAJAR

- 1.1 Kursus-kursus pada Semester Pertama Sesi 2024/2025 (A241) akan dijalankan secara bersemuka.
1.2 Jadual pendaftaran kursus adalah seperti berikut:-

i. Tarikh untuk pendaftaran kursus-kursus Teras

SEMESTER SEMASA (A232)	TEMPOH PENDAFTARAN KURSUS SECARA DALAM TALIAN			
	TARIKH MULA	MASA MULA	TARIKH TAMAT	MASA TAMAT
7 dan ke atas	1 Julai 2024	10.00 pagi	2 Julai 2024	10.00 pagi
5 dan 6	1 Julai 2024	12.00 tengah hari	2 Julai 2024	10.00 pagi
3 dan 4	2 Julai 2024	12.00 tengah hari	3 Julai 2024	10.00 pagi
1 dan 2	3 Julai 2024	12.00 tengah hari	4 Julai 2024	10.00 pagi

ii. Tarikh untuk pendaftaran kursus-kursus Elektif

SEMESTER SEMASA (A232)	TEMPOH PENDAFTARAN KURSUS SECARA DALAM TALIAN			
	TARIKH MULA	MASA MULA	TARIKH TAMAT	MASA TAMAT
7 dan ke atas	8 Julai 2024	10.00 pagi	9 Julai 2024	10.00 pagi
5 dan 6	8 Julai 2024	12.00 tengah hari	9 Julai 2024	10.00 pagi
3 dan 4	9 Julai 2024	12.00 tengah hari	10 Julai 2024	10.00 pagi
1 dan 2	10 Julai 2024	12.00 tengah hari	11 Julai 2024	10.00 pagi

- 1.3 Hanya pelajar **AKTIF** dibenarkan untuk mendaftar kursus secara atas talian. Pelajar perlu **MENGESAHKAN** status pengajian sebagai **AKTIF** melalui sistem Portal.
- 1.4 Bagi kursus Teras Universiti dan kursus di dalam komponen Bahasa Inggeris, HEA telah menjalankan proses autojana kepada pelajar.
- 1.5 Pelajar dinasihatkan supaya **TIDAK MENGUGURKAN** kursus yang telah didaftarkan. Pihak HEA tidak akan mendaftar semula subjek yang telah digugurkan.
- 1.6 Pelajar-pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan mendaftar kursus melalui laman web <https://register.uum.edu.my>. Sila masukkan (*Username*) serta (*Password*).
- 1.7 Kursus yang telah didaftarkan akan digugurkan sekiranya tidak memenuhi prasyarat kursus yang telah ditetapkan selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
- 1.8 Semua kumpulan kursus yang bertanda asterisk (*) akan dikendalikan dalam Bahasa Inggeris.
- 1.9 Jadual Waktu Kuliah yang muktamad adalah selepas berakhirnya Minggu Gugur/Tambah Kursus.

- 1.10 Setiap pelajar dikehendaki mematuhi semua tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan.
- 1.11 Pelajar yang **gagal mendaftar** kursus mengikut struktur pengajian yang telah ditetapkan, diminta menghubungi Pusat Pengajian masing-masing semasa **MINGGU GUGUR/TAMBAH KURSUS**.
- 1.12 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang ingin didaftarkan pada Semester Pertama Sesi 2024/2025 (A241) mengikut format yang ditetapkan di dalam laman web tersebut dengan lengkap.

2.0 PERATURAN DAN TEMPOH

- 2.1 Semua pelajar yang tidak aktif seperti menangguhkan pengajian dan sebagainya tidak layak melakukan pendaftaran kursus pada minggu pendaftaran kursus. Pelajar terlibat hanya boleh mendaftar kursus semasa Minggu Gugur/Tambah Kursus.
- 2.2 Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga **semester A232 TIDAK DIBENARKAN** membuat pendaftaran kursus. Gugur/tambah kursus hanya dibenarkan sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dan pembayaran **TUNGGAKAN HUTANG** ini perlulah dijelaskan dalam tempoh minggu pertama semester A241 sahaja.
- 2.3 Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

Perkara 8.2:

“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”

Perkara 8.3:

“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”

- 2.4 Pelajar boleh mengakses Jadual Waktu Kuliah terkini melalui portal masing-masing mulai **26 Jun 2024 (Rabu) (tertakluk kepada perubahan)**.

TARIKH-TARIKH PENTING PENGKULIAHAN

Bil	Tarikh Urusan	Urusan
1	6 Oktober 2024 – 10 Oktober 2024	Tempoh Pendaftaran Kursus Audit
2	6 Oktober 2024 – 10 Oktober 2024	Tempoh Pendaftaran Lebihan Jam Kredit
3	6 Oktober 2024 – 7 November 2024	Tempoh Tarik Diri Kursus (TD)
4	10 November 2024 – 28 November 2024	Tempoh Tarik Diri Berbayar RM50.00/kursus (TD)

**Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia**